

UNIT RAJUAN
DITE
04 SEP 2016
U.R.D
M.B.P.J.

→ JENAYAH

[FOTO IHSAN PDRM]

Salakan anjing selamatkan nyawa bayi dalam longkang

BH
4/9/16
ms 33



Bayi lelaki dipercayai baru dilahirkan ditemui dalam longkang berhadapan sebuah rumah di Jinjang Selatan Tambahan, Sentul, semalam.

→ Remaja ikut haiwan peliharaan jumpa mangsa masih bertali pusat

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tindakan seekor anjing menyalak tanpa henti hingga menimbulkan rasa curiga pemiliknya membawa kepada penemuan bayi lelaki di dalam longkang berhadapan sebuah rumah di Jinjang Selatan Tambahan, Sentul, di sini, semalam.

Bayi malang yang masih bertali pusat bersama uri, dipercayai baru dilahirkan itu ditemui remaja lelaki

berusia 16 tahun pada jam 10.58 pagi, selepas anjing peliharaannya membawanya ke longkang yang terletak kira-kira 10 meter dari rumah.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner R Munusamy, berkata ketika ditemui, bayi yang diletakkan di dalam kotak tanpa seurat benang itu sedang menangis, dipercayai lapar dan kesejukan.

Minta bantuan

Beliau berkata, remaja berkenaan kemudian menghubungi talian 999 bagi mendapatkan bantuan.

“Menurut saksi, dia berada di da-

lam rumah dan curiga apabila anjingnya menyalak kuat tanpa henti.

“Dia kemudian keluar untuk memeriksa tetapi tidak menemui apa-apa.

Bayi dalam kotak

“Tidak berpuas hati, saksi berkenaan keluar dari halaman rumah membawa bersama haiwan terabit dan sebaik keluar, anjing itu berlari ke arah longkang.

“Saksi yang mengekori anjing itu terkejut menemui bayi sedang menangis di dalam kotak ditinggalkan dalam longkang terabit,” katanya di

**Fakta
nombor**

10 METER

jarak bayi dalam longkang dengan kawasan rumah

sini, semalam.

Munusamy berkata, pemeriksaan mendapati bayi itu sihat dan kini berada di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Selayang untuk pemeriksaan serta rawatan.

Katanya, siasatan masih diteruskan bagi mengesan individu yang membuang bayi terabit.

Susulan itu, beliau meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kes itu supaya menghubungi balai polis berhampiran atau menghubungi talian 03-40400781 atau 03-40400782 bagi membantu siasatan.